

## Pencapaian: Syabas & Tahniah!

### WARGA KERJA BERITA KIMIA

#### Penasihat:

PM Dr. Shajarahunnur Jamil

#### Editor Bersama:

Dr. Siti Aminah Setu  
Dr. Khairil Juhanni Abd Karim  
Dr. Mohd Fuad Mohamad  
Dr. Nurulhidayah Salamun

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat



### IKM 33<sup>rd</sup> AGM



**9 Mac 2019:** Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kimia Malaysia (IKM) Cawangan Selatan kali ke-33 telah diadakan di Hotel KSL Resorts, Johor Bahru. Dalam mesyuarat tersebut, empat orang pensyarah Jabatan Kimia telah dilantik sebagai jawatankuasa eksekutif untuk sesi 2019/2020 sebagaimana berikut:

- PM Dr. Jafariah Jaafar- Setiausaha
- Dr. Sheela Chandren- Pembantu Bendahari
- PM Dr. See Hong Heng- Ahli Jawatankuasa
- Dr. Mohd Bakri Bakar- Ahli Jawatankuasa

Tahniah diucapkan! Semoga kerjasama strategik di antara IKM dan UTM dapat diteruskan untuk manfaat kedua-dua pihak.



### Jawatankuasa Sainifik Bencana Sungai Kim Kim

## UTUSAN ONLINE

Berita Rencana Hiburan Bisnes Sukan Mega

Berita > Wilayah > Johor Utama Bisnes Sukan Pendidikan Komuniti

### 3 pakar UTM dilantik urus jawatankuasa saintifik bencana



**16 Mac 2019:** Tiga pakar dari Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Sainifik oleh Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Ybhg Yeo Bee Yin. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd. Yusoff dan dibantu oleh Pengarah Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM, PM Dr. Jafariah Jaafar dan pensyarah kanan Jabatan Kimia, Dr. Faizuan Abdullah. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membantu memberikan maklumat dan pendapat saintifik kepada Jawatankuasa Bencana Pasir Gudang.

**26 Mac 2019:** Lanjutan daripada itu, satu sesi perkongsian di bawah Popular Science Seminar Series telah diadakan di DK2, C17 Fakulti Sains UTM bertajuk "Bencana Pasir Gudang: Kronologi dan Peranan Kita". Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff, Dekan Fakulti Sains, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sainifik bagi kes pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, bersama PM Dr. Jafariah Jaafar dan Dr. Faizuan Abdullah telah berkongsi pengalaman tentang situasi sebenar dan tugas yang dijalankan oleh mereka di lokasi kejadian. Tujuan sesi perkongsian ini diadakan adalah bagi menyampaikan maklumat sebenar yang berlaku ketika insiden pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang dan juga menceritakan kembali peranan dan tugas yang telah dilakukan.



**POPULAR SCIENCE SEMINAR SERIES**



**Bencana Pasir Gudang: Kronologi dan Peranan Kita**

Perkongsian oleh: <<  
Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff  
PM. Dr. Jafariah Jaafar  
Dr. Faizuan Abdullah

**26 MAC 2019**  
SELASA | 2.15 PM  
DK2, C17, FAKULTI SAINS UTM



## Program MyRoadmap Jabatan Kimia 2019



### Survival Alchemy 2019

Survival Alchemy 2019 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JKPP) Jabatan Kimia, Fakulti Sains berakhir dengan jayanya dengan hampir kesemua pelajar jurusan kimia tahun 1 dengan secara sukarela mengambil bahagian. Program yang bermula pada awal semester terbahagi kepada dua bahagian iaitu Survival Bandar dan Survival Kem.

**9 Mac 2019:** Untuk survival bandar, pelajar-pelajar dibahagikan mengikut kumpulan dan perlu mencari dana secara enterpreneur untuk digunakan ke survival kem. Di survival bandar, program ini melatih pelajar secara kreatif, kerja secara berpasukan, di samping minda enterpreneur turut diterapkan dalam diri pelajar.

**14 – 16 Mac 2019:** Kemudian, pelajar-pelajar ini menjalani survival kem yang dijalankan di sekitar Teluk Gorek, Mersing, Johor. Kali ini, pelajar-pelajar diuji dari sudut fizikal dan mental di mana nilai kerjasama dan pemantapan disiplin diri turut tidak dilupakan. Selain itu, beberapa aktiviti dijalankan bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang cara komunikasi yang berkesan. Berapa permainan interaktif serta peluang mengekspresikan diri secara sendiri atau berkumpulan turut diselitkan ketika kem dijalankan. Oleh itu, syabas kepada para pelajar kerana berjaya memberikan komitmen dalam mengikuti Survival Alchemy 2019 yang dianjurkan ini. Tidak lupa juga tahniah dan terima kasih diucapkan kepada barisan ahli jawatankuasa yang menjadi tunjang kepada perjalanan program ini.



### Akan datang: Majlis Malam Pra-Graduan Kimia 2019

Di bawah program MyRoadmap, pelajar tahun 2 adalah bertanggungjawab untuk menganjurkan Majlis Malam Pra-Graduan Kimia untuk pelajar tahun akhir. Untuk tahun 2019 ini, majlis berkenaan dirancang diadakan pada 4 April 2019 bertempat di GBW Hotel, Johor Bahru.

## Aktiviti & Pergerakan Staf



### Tea Talk oleh PM Dr Razali Ismail

**5 Mac 2019:** Tea Talk disampaikan oleh PM Dr Razali Ismail berkongsi tips penting kepada rakan pensyarah. Beliau mencadangkan supaya rakan pensyarah memberikan motivasi ringkas atau tazkirah 5 minit setiap kali sebelum memulakan kuliah. Tea Talk merupakan medan perkongsian antara staf Jabatan Kimia yang diadakan dua kali sebulan.



### Lima Staf Akademik Menjayakan Program Mentor-Mentee Sains UTM



**9 Mac 2019:** Program Pembelajaran Sains di sekolah dengan menggunakan konsep mentor-mentee telah mula dirintis di Johor. Untuk tahun 2019, program tersebut dilaksanakan melalui kerjasama di antara Universiti Teknologi Malaysia bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), National STEM Movement dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. SMK Taman Nusaya telah dipilih sebagai sekolah rintis untuk negeri Johor di mana program mentor-mentee Sains siri satu telah dilaksanakan pada 9 Mac 2019.

Program mentor-mentee telah dijayakan oleh pelajar pascasiswazah dan staf akademik Jabatan Kimia, iaitu PM Dr. Zaiton Abdul Majid, Dr. Mohd Bakri Bakar, Dr. Mohd Akmal Mokhter, Dr. Faizuan Abdullah dan Dr. Siti Aminah Setu.



### Roadshow Dekan Bersama Staf Akademik FS

**12 Mac 2019:** Roadshow Dekan, Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff, bersama staf akademik Jabatan Kimia, telah berlangsung pada 12 Mac 2019 bertempat di Dewan Kuliah 2, Fakulti Sains, UTM. Roadshow ini membentangkan perancangan strategi tahunan fakulti yang dilatakan di peringkat jabatan, mengenalpasti potensi kecemerlangan jabatan dan mendapatkan maklumbalas pasca-sinerji 4.0 daripada ahli jabatan.



### Lawatan Industri ExxonMobil



**14 Mac 2019:** Fakulti Sains telah menerima lawatan dari ExxonMobil Asia Pacific yang diketuai oleh Dr Saifuddin Abubakar, Global Product Fundamentals Manager dengan diringi oleh Mr. See Yong Xuan, ASEAN Account Manager dan Ms Jennifer Ng, Sales Representative. Dr Saifuddin Abubakar telah dilantik sebagai Industrial Advisory Panel (IAP) bagi program akademik Jabatan Kimia. Staf akademik Jabatan Kimia yang telah menyertai perbincangan ini ialah PM Dr Zaiton Abdul Majid (TDPIPA), PM Dr Shajarahtunnur Jamil (Pengarah Kimia), Prof Mustaffa Shamsuddin, PM Dr Zainoha Zakaria, PM Dr Azli Sulaiman, Prof Dr Wan Aini Wan Ibrahim, Dr Che Rozid Mamat, Dr Norazah Besar dan Dr Siti Aminah Setu @ Sabtu.

## Mesyuarat Agung American Chemical Society (ACS) Malaysia Chapter Kali ke-5

**16 Mac 2019:** Dr. Mohd Bakri Bakar selaku 'Immediate-past chair' telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan American Chemical Society Malaysia Chapter kali ke-5 yang berlangsung di International Medical University, Kuala Lumpur pada 16 Mac 2019. Sehingga kini, Jabatan Kimia mempunyai keahlian seramai 19 pensyarah dalam badan profesional tersebut.



## 2<sup>nd</sup> ASM Merdeka Meeting: Semangat dan Komitmen Untuk Masa Depan Sains Negara

**18 Mac 2019:** Lima pemenang Anugerah Merdeka bersama dua tetamu jemputan daripada industri telah menyertai program '2<sup>nd</sup> ASM Merdeka Meeting' yang diadakan di Melaka pada 18 Mac 2019. Program tersebut dianjurkan secara bersama oleh Akademi Sains Malaysia menerusi jaringan ahli di bahagian Selatan dan Sekretariat Anugerah Merdeka. Semasa program tersebut, mereka telah berkongsi ilmu, kepakaran, pengalaman dan praktis kecemerlangan bersama lebih 50 orang saintis dan bakat muda seluruh negara. Seramai tiga pensyarah Jabatan Kimia telah dilantik sebagai jawatankuasa program iaitu Dr. Mohd Bakri Bakar (Ketua Program), Dr. Sheela Chandren (Moderator umum) dan PM Dr. Zaiton Abdul Majid (Moderator dialog). Manakala seramai dua pensyarah turut dijemput hadir sebagai wakil Fakulti Sains iaitu Dr. Faizuan Abdullah dan Dr. Norazah Basar. Model program Merdeka Meeting tersebut adalah menyamai program Perjumpaan Lindau yang secara tahunan menemukan pemenang Anugerah Nobel dan komuniti saintifik muda daripada seluruh dunia. Semoga legasi kecemerlangan negara melalui sains, teknologi dan inovasi dapat terus dilestarikan dengan berlakunya pemindahan ilmu antara generasi dalam komuniti saintifik tempatan.



## 3-Minute Thesis (3MT)

**18 Mac 2019:** Dua daripada tujuh orang peserta akhir 3MT (English) adalah dari Jabatan Kimia. Mereka akan berentap pada 20 Mac 2019 untuk peringkat akhir. Dua pelajar tersebut adalah di bawah penyeliaan Prof Dr Hadi Nur dan Prof Dr Abdull Rahim Mohd Yusoff



## Popular Science Seminar Series 19

**19 Mac 2019:** Satu sesi perkongsian melalui Popular Science Seminar Series oleh Dr Mohd Fuad Mohamad berkenaan *Chemical Sensor* pada 19 Mac 2019 telah berlangsung di DK2, Fakulti Sains.

**Faculty of Science**  
**POPULAR SCIENCE SEMINAR SERIES 19**  
**Chemical Sensor: The Art of Touch and Tell**  
**DR. MOHD FUAD BIN MOHAMAD (Department Of Chemistry)**  
19 Mac 2019 (Tuesday), 2:30pm  
Lecture Hall 2 (DK 2), Block C17  
Faculty of Science, UTM Johor Bahru  
<http://www.foschem.com/Faculty/UTM/>

## UGRP: Undergraduate Research Program

**19 Mac 2019:** Jabatan Biosains telah menjemput Dr Hasmerya Maarof untuk berkongsi pengalaman berkenaan program UGRP yang dilaksanakan di Jabatan Kimia, Fakulti Sains. Ini seiring dengan sebahagian daripada aktiviti yang dilaksanakan dalam MyRoadmap UTM. UGRP merupakan program yang memperkasakan penyelidikan kepada pelajar di setiap jabatan di samping menawarkan pelajar untuk membuat projek tahun akhir seawal mungkin.

**UGRP**  
**UNDERGRADUATE RESEARCH PROGRAM**  
Speaker: Dr. Hasmerya Maarof  
Date: 19 March 2019, Tuesday  
Time: 2:00pm  
Location: A6, Tower A, T20  
Open to ALL UTM Students  
**PITCHING RESEARCH**  
3 Min. 45 Sec.  
Date: 19 March 2019, Tuesday  
Time: 3:30 pm  
Location: A6, Tower A, T20  
Open to all lecturers  
MyRoadmap@Biosciences  
**UTM** Faculty of Science





## 9<sup>th</sup> Basic Science International Conference

**20 – 21 Mac 2019:** PM Dr Roswanira Abdul Wahab sebagai penceramah utama (*keynote speaker*) untuk 9<sup>th</sup> Basic Science International Conference di MIPA Centre, Universiti Brawijaya, Malang, Indonesia. Persidangan ini dihadiri oleh lebih daripada 500 peserta dari 7 negara yang berbeza.

**22 Mac 2019:** PM Dr Roswanira Abdul Wahab juga telah dijemput oleh Jabatan Kimia Ma Chung University di Malang, Indonesia untuk memberikan pembentangan bertajuk "Biomass Engineering for White Biotechnology: Embracing a greener future".



## Bengkel Semakan Kurikulum Bil. 2/2019



**25 Mac 2019** – Bengkel Semakan Kurikulum Bil. 2/2019 telah diadakan di Bilik Seminar Jabatan Kimia bermula jam 2.30 petang. Di dalam pertemuan ini, *data market survey* dan *benchmarking* telah dibentang dan dibincangkan oleh PM Dr Shajarahtunnur Jamil dan PM Dr Azli Sulaiman. Seterusnya, PM Dr Azli Sulaiman mengetuai perbincangan membentuk struktur kurikulum baharu. Ahli yang hadir hanya sempat membincangkan kursus untuk Semester 1 dan 2 sahaja sebelum sesi bengkel ditangguhkan ke tarikh yang akan ditetapkan kemudian.



## Mesyuarat Ahli Lembaga Pentadbir Persatuan Sains Analisis Malaysia (ANALIS) dan Bengkel Pewasitan MJAS



**25 – 27 Mac 2019** – Prof. Dr Wan Aini Wan Ibrahim dan Prof. Dr Mohd Marsin Sanagi telah terlibat dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pentadbir Persatuan Sains Analisis Malaysia dan Bengkel Pewasitan MJAS. Mesyuarat dan bengkel tersebut telah berlangsung di Colmar Tropicale Bukit Tinggi, Pahang.



## Pameran MERCK Malaysia



**25 – 26 Mac 2019:** Pihak Merck Malaysia telah mengadakan pameran dan seminar mengenai keselamatan makmal bertempat di Dataran Fakulti Sains iaitu berhadapan blok C17 Fakulti Sains UTM. Pameran ini susulan pertemuan wakil Merck Malaysia dengan pensyarah-pensyarah Jabatan Kimia Fakulti Sains ketika bertugas di lapangan bencana pencemaran sisa toksik di Pasir Gudang iaitu Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff, Dekan Fakulti Sains selaku, Prof. Madya Dr. Jafariah Jaafar dan Dr. Faizuan Abdullah.

Selain itu, susulan penglibatan wakil dari Jabatan Kimia Fakulti Sains ketika bencana pencemaran toksik di Pasir Gudang Johor, pihak Merck Malaysia telah berbesar hati memberikan sumbangan berbentuk instrumen analisis sampel (kolorimeter) berjumlah RM70,000.00. Sumbangan ini telah disampaikan oleh En. Soo Kyu (Business Director Merck Malaysia) dan diterima oleh Pengarah Jabatan Kimia Fakulti Sains UTM iaitu Prof. Madya Dr. Shajarahtunnur Jamil.



## Bengkel Pemurnian UTM-MOOC

**27-28 Mac 2019**- Satu bengkel pemurniaan UTM-MOOC telah diadakan di Hotel Mutiara, Johor Bahru bertujuan untuk menambahbaik topik dan modul yang akan dimasukkan dalam kursus "Research Methodology for Science". Kursus ini adalah salah satu "massive open online course (MOOC)" yang akan ditawarkan oleh Fakulti Sains. Di akhir bengkel ini, 5 topik telah selesai dibincangkan. Staf Jabatan Kimia yang terlibat dalam bengkel ini ialah Dr. Nurrulhidayah Salamun.



## 35<sup>th</sup> International Conference on Natural Products

**27-28 Mac 2019**- Dr Norazah Basar dan Dr Siti Ernieyanti Hashim telah menyertai 35th International Conference on Natural Products yang telah berlangsung di Hilton, Kuching, Sarawak. Turut hadir adalah alumni Kimia yang kini berkhidmat sebagai staf akademik iaitu Dr Nurul Iman Aminuddin (UIA) dan Dr Nor Akmalazura Md Jani (UiTM).



## Karya Kreatif

Un plus un fait deux  
Deux plus un fait trois  
Double C fait une liaison  
2 personnes créent une connexion

2 personnes ou plus  
nécessitent "une chimie"  
Sans elle, pas de relation  
créée.

Une seule espèce est rare  
Il en faut deux pour que ça  
soit stable  
C'est normal en chimie  
Nous cherchons que la  
perfection

C' est comme ça la vie  
On a besoin d'autres  
Une faible liaison rend  
fragilité  
Des bonnes liaisons nous  
rends forts.

Un fois deux fais deux  
Deux fois deux fais quatre  
Multiplication créé une  
confirmation  
Elle nous donne  
satisfaction

**Akmali Mokhter**  
**01/03/2019, 2 am**

La chimie dans la vie est  
inséparable  
Elles sont là comme un  
couple

## April 2019

- ❑ 03/04/2019 – Konvensyen Anugerah Kualiti Akademik (AKA) 2018 di Dewan Senat. Fakulti Sains mempertandingkan program MyRoadmap di bawah kategori Multidisciplinary Project.
- ❑ 04/04/2019 – Majlis Malam Pra-Graduan Kimia
- ❑ 23/04/2019 – Hari Kerjaya dan Alumni Fakulti Sains

11/3/2019

Happy Belated Birthday  
Prof. Dr. Abd Rahim Yacob